

Mahathir: Volkswagen boleh beli saham Proton

Oleh JOHARDY IBRAHIM UM - 9 JUN 2005

PETALING JAYA 8 Jun – Proton Holdings bersikap terbuka seandainya pengeluar automotif terkemuka Jerman, Volkswagen Aktiengesellschaft (VW) mahu membeli kepentingan dalam syarikat kereta nasional.

Penasihatnya, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, saham-saham Proton terdapat di pasaran (Bursa Malaysia) dan VW boleh membelinya.

“Kami tidak ada masalah untuk VW membeli saham dalam Proton,” kata beliau yang juga bekas Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan model terbaru Proton, Savvy di sini, hari ini.

Beliau ditanya perkembangan terbaru mengenai kerjasama Proton dengan VW serta kemungkinan VW boleh membeli saham kepentingan dalam Proton untuk mengukuhkan usahasama.

Dr. Mahathir berkata: “Proton dan VW masih berunding dan ‘akan mencapai matlamat tidak lama lagi’ sama ada mereka akan sama-sama membangunkan model baru atau memasang model sedia ada VW di negara ini.”

Pada bulan Oktober tahun lalu, VW dan Proton memeterai perjanjian yang akan membolehkan Proton memasang dua model VW di Malaysia.

Pada Januari lalu, VW menafikan laporan akhbar Jerman mengatakan syarikat itu akan membeli kepentingan dalam Proton, mengatakan VW ‘tidak ada perancangan pada masa ini’ untuk berbuat demikian.

Usahasama VW dengan Proton itu membolehkan syarikat pengeluar kereta Jerman itu memulakan operasi pengeluarannya di Asia Tenggara.

VW, yang merupakan pengeluar kereta terbesar

Eropah telah menyatakan bahawa kereta-keretanya yang dipasang di Malaysia dijangka dikeluarkan pada akhir tahun ini dan mensasar untuk menjana jualan lebih daripada 15,000 buah di rantau ini pada tahun depan.

Sementara itu, ditanya mengenai kesan ke atas Proton daripada perjanjian perdagangan bebas (FTA) yang bakal dimeterai antara Malaysia dengan Jepun, beliau berkata, Proton perlu belajar berdikari kerana berhadapan dengan ‘padang permainan yang sama’.

Bagaimanapun, ujar beliau, jika Proton diikat dengan misi untuk menjadi pengeluar kereta nasional dan pada masa yang sama membangunkan vendor tempatan, Proton akan kehilangan peluang.

“Komponen tempatan lebih mahal, sedangkan jika menyumber luar komponen, ia adalah lebih murah,” kata beliau.

Dr. Mahathir berkata, operasi pemasangan kereta Proton di Jakarta, Indonesia akan bermula akhir bulan ini.

Kilang pemasaran itu yang memiliki kapasiti pengeluaran 50,000 buah kereta setahun akan mengeluarkan model Gen.2 dan Wira dengan pengeluaran awal sebanyak 8,000 buah.

Menurutnya, kilang pemasangan Proton di Indonesia itu akan membolehkan Proton menikmati pengecualian cukai dibawah perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

Kilang tersebut merupakan syarikat usahasama antara Proton dan pengeluar komponen kenderaan Malaysia, Tracoma Holdings Bhd.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, Proton adalah sebuah syarikat automotif yang masih muda dan selain berhadapan pasaran domestik yang kecil, ia juga memerlukan masa untuk

“ Proton dan VW masih berunding dan ‘akan mencapai matlamat tidak lama lagi’ sama ada mereka akan sama-sama membangunkan model baru atau memasang model sedia ada VW di negara ini. ”

– TUN DR. MAHATHIR

benar-benar berjaya di pasaran antarabangsa.

“Nak kritik Proton, tidak mengapa. Mungkin Proton boleh belajar lagi. Tetapi apa yang penting ialah hari ini kita ada keupayaan kejuruteraan yang tidak pernah termimpi sebelum ini.

“Keupayaan seperti mereka bentuk model kereta sehinggalah jualan yang keseluruhannya dilakukan oleh rakyat Malaysia sendiri. Kita boleh ‘sedikit berbangga,’ ujarnya.

Proton, kata beliau, memang diberi perlindungan tetapi bukan secara percuma, sebaliknya Proton kena memastikan keupayaan kejuruteranya dipertingkatkan.

“Hasilnya hari ini, keupayaan Malaysia adalah hampir setanding dengan lain-lain negara,” kata beliau.